



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



# **SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN KE-10**

**30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2001**

*Kertas Seminar 10: Hubungan Tindakan  
Kumpulan Awal Remaja Terhadap Situasi  
Sosial Yang Bermasalah Dengan Pengetahuan,  
Kepercayaan Agama Mereka*

**PUAN HAJAH SALLEHA BINTI HAJI MOHAMED**  
Institut Aminuddin Baki

**DENGAN KERJASAMA**

**UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD**



## Sub-tema:- Keperluan dan tuntutan:

- pengajaran dan pembelajaran
- kurikulum
- mewujudkan masyarakat cemerlang
- mengajar atau mendidik?
- kaunseling atau disiplin?
- pewujudan pekerjaan
- salahlaku
- gejala sosial

Tajuk ringkas: **Pengetahuan, Kepercayaan dan Komitmen Agama Golongan Awal Remaja dan Tindakan Mereka dalam Situasi-Situasi Permasalahan Sosial.**

Nama: Salleha Mohamed

Jawatan: Pensyarah

Organisasi: Institut Aminuddin Baki

### Abstrak

*Tujuan kajian adalah untuk mencari kemungkinan adanya hubungan antara Pengetahuan, Kepercayaan dan Komitmen Agama golongan awal remaja dengan cara mereka bertindak dalam situasi sosial yang bermasalah.*

*Subjek terdiri dari 38 kanak-kanak lelaki dan 45 kanak-kanak perempuan yang berusia antara 12 dan 16 tahun dari tiga buah sekolah di Perth iaitu sekolah Muslim (M), sekolah Kristian (C), dan sekolah kerajaan (S) yang tidak diberi pendidikan agama.*

*(i) Pengetahuan agama, kepercayaan dan komitmen kanak-kanak awal remaja ini diukur dengan menggunakan Gilcomston Belief Questionnaire (GBQ [a]) yang telah ditambah item untuk menampung unsur-unsur Islam. (ii) Early Adolescent Social Skills Informal Rating Matrix (EASSIRM) telah digunakan oleh penyelidik untuk guru menilai kemahiran sosial subjek-subjek remaja itu dalam 16 situasi sosial bermasalah yang biasa dihadapi oleh mereka di sekolah. (iii) Subjek juga diberi peluang melapor tindakan mereka secara bebas kepada lima lakonan video situasi sosial bermasalah yang dipilih daripada 16 situasi yang terdapat dalam EASSIRM itu. Jawapan mereka dinilai berpandu kepada jawapan yang terdapat pada EASSIRM asal.*

*Penemuan dari kajian ini menunjukkan: (i) Penilaian guru adalah tepat dengan hipotesis iaitu remaja yang mempunyai pengetahuan, kepercayaan dan komitmen agama yang tinggi juga mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menangani permasalahan dalam situasi sosial; (ii) Kemahiran remaja perempuan menangani permasalahan situasi sosial (mengikut penilaian guru) adalah lebih baik dari remaja lelaki dengan signifikan; dan (iii) Penemuan baru iaitu hubungan songsang dari apa yang dijangkakan. Laporan bebas tindakan golongan awal remaja itu kepada (lima lakonan video yang dipilih daripada 16 situasi yang terdapat dalam EASSIRM) situasi sosial bermasalah adalah mengejutkan. Remaja yang dinilai mempunyai pengetahuan, kefahaman dan komitmen agama tinggi memberi jawapan terendah dan mereka yang mempunyai pengetahuan agama terendah memberi jawapan terbaik atau kemahiran menangani permasalahan sosial tertinggi*

(279 perkataan)

Kajian ini telah dilaksanakan bagi melengkapkan sebahagian dari keperluan Kursus Sarjana Pendidikan, University of Western Australia.

**TEMA: "KESEPADUAN PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN:  
KEPERLUAN DAN TUNTUTAN"**

**Sub-tema:- Keperluan dan tuntutan:**

- pengajaran dan pembelajaran
- kurikulum
- mewujudkan masyarakat cemerlang
- mengajar atau mendidik?
- kaunseling atau disiplin?
- salahlaku
- gejala sosial

**PENGENALAN**

Golongan awal remaja merupakan golongan yang mengalami kadar perubahan perkembangan yang paling tinggi dalam hampir kesemua aspek: sebagai contoh aspek fizikal, fisiologikal, emotional, mental, sosiologikal. Mereka ini berkedudukan di ambang pintu kedewasaan, perubahan ke arah kedewasaan paling mendadak dan paling dirasakan. Mereka kerap dalam keadaan 'serba tidak kena' kerana sebahagian aktiviti kanak-kanak mereka tidak dibenarkan buat atas alasan kerana sudah besar manakala dalam hal-hal yang lain pula mereka tidak boleh bersama orang dewasa kerana mereka masih kanak-kanak.

Oleh kerana itu, mereka dari golongan ini kerap memberi masalah, menunjukkan tingkahlaku yang tidak sesuai, kerap melakukan salahlaku di sekolah. Tidak hairanlah banyak penyelidikan dijalankan kepada kumpulan ini. Mereka dari golongan usia ini menunjukkan kadar tertinggi permasalahan tingkahlaku sosial yang tidak sesuai (Gullota, 1983). Seperti dalam laporan penyelidikan dan berita akhbar dalam dan luar negara, permasalahan tingkahlaku ini kerap berlaku di perkarangan sekolah dan ini menimbulkan permasalahan kepada kedua-dua guru dan pelajar (McDowell, 1981).

Di Malaysia, pelaksanaan kurikulum bersepadu kebangsaan (KBSR, 1985; & KBSM, 1989) diharapkan dapat membantu guru mengukuhkan penyampaian kandungan disiplin matapelajaran secara bersepadu dengan ajaran agama iaitu penjelasan peranan mengapa manusia dijadikan oleh Maha Pencipta. Ini diharapkan dapat menjelaskan tanggungjawab berat mengapa manusia dijadikan melalui semua disiplin. Ramai kita di Malaysia meyakini didikan kefahaman agama akan dapat membendung masalah salahlaku ini.

Berdasarkan amalan pendidikan di Malaysia, iaitu penyampaian tanggungjawab manusia melalui Kurikulum Bersepadu: secara terus penyampaian Pendidikan Agama, dan secara tidak langsung melalui semua disiplin matapelajaran; sepatutnya sekolah-sekolah dalam Malaysia mengalami kurang masalah salah tingkahlaku.

**LATAR BELAKANG**

Sebagai mana dimaklumkan diatas, dasar pendidikan di Malaysia sepatutnya menjadikan sekolah-sekolah dalam Malaysia menghadapi kurang masalah salah tingkahlaku. Hakikatnya tidak begitu. Masalah disiplin yang wujud di kalangan remaja membimbangkan semua:- guru-guru dan para-pendidik; ibu bapa dan ahli komuniti yang lain; malah pemimpin negara dan pemimpin antarabangsa juga.

Penyelidik beranggapan Isu Salah Tingkahlaku ini sepatutnya akan dapat diatasi apabila mesej agama disampaikan secara berkesan. Makhluk Allah yang telah dikurniakan dengan akal, apabila diperlengkapkan dengan bimbingan agama yang berkualiti – akan berkemampuan dan berkebolehan – menunjukkan tingkahlaku contoh, menjadi model perangai /tingkahlaku 'Khalifah Allah', ke arah akhlak Al-Quran. Hipotesis penyelidik ialah kefahaman dan komitmen agama mempengaruhi tingkahlaku.

Berdasarkan hipotesis diatas, penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan mencari kemungkinan adanya hubungan antara Pengetahuan, Kepercayaan dan Komitmen Agama golongan awal remaja ini dengan cara mereka bertindak dalam situasi sosial yang bermasalah.

(Fokus: [Bagaimana: *Hubungan Tindakan Kumpulan Awam Bermasalah Dengan Pengetahuan Kepercayaan Agama Mereka*])

## REVIEW LITERATUR.

Ketika penyelidikan ini dirancang, iaitu pada tahun 1991, belum ada lagi maklumat usaha penyelidikan atau laporan penyelidikan dalam bidang ini, iaitu dikaitkan dengan agama, dalam data elektronik. Berkaitan dengan masalah sosial remaja, rekod literatur berkomputer: ERIC (1/83 – 12/90) mencatat 86 kajian; dan Cakera Padat 2 PsycLit (1/83 – 12/90) mencatat 30 kajian sahaja. Walau bagaimanapun melalui internet dua minggu lepas Yahoo menyinarakan lebih 130 ribu makalah internet berkaitan dengan tajuk yang sama.

Penyelidikan dalam bidang penyelesaian masalah tingkahlaku mempunyai sejarah yang lama dan meluas dalam psikologi, psikiatri dan psikoanalisis. Kepercayaan humanisma dan behaviorisma adalah agak berleluasa, sehingga terdapat pemimpin yang membuat dasar - ajaran agama tidak perlu diajar di sekolah-sekolah awam. Mereka percaya bahawa manusia yang berakal berkemampuan mengenali yang baik, dan mereka bebas dengan tingkahlaku yang mereka fikirkan baik. Salah tingkahlaku dan kurang berkemahiran sosial adalah salah satu daripada kecacatan dalam kekurangan individu. Kekurangan ini termasuk juga dalam kecacatan kumpulan pendidikan khas – iaitu "Behavioral Disorders".

Kemahiran sosial dalam penyelidikan ini ditakrifkan sebagai kemahiran berkelakuan dengan kelakuan yang sesuai (Bain, 1989). Bertindak dengan kelakuan yang sesuai apabila berhadapan dengan situasi sosial yang bermasalah bermaksud bahawa, antara semua tindakan yang mungkin, pelajar-pelajar ini bertindak dengan jalan yang lebih berkesan. Bain (1991) kemudian melengkapkan definisi kemahiran sosial sebagai tingkahlaku perhubungan interpersonal yang, dalam sekolah, didapati berkesan untuk memaksimumkan kemungkinan menghasilkan, menjalinkan dan menggalakkan kesan positif kepada pelajar-pelajar berusia awal remaja.

Ketika itu fahaman yang berleluasa berkaitan humanisma, dan behaviorisma dapat menyediakan seribu satu macam kaedah penyelesaian. Masalah salahlaku cuba ditangani melalui strategi latihan kemahiran interaksi sosial: seperti latihan pemulihan melalui pengajaran contoh rakan sebaya; perkembangan strategi pelbagai tretmen perantaraan kognitif: seperti mengajar strategi pertimbangan awal untuk pemilihan tindakan yang akan menghasilkan kesan yang disenangi, latihan kemahiran sosial melalui video interaktif. Semua kaedah penyelesaian di Barat (ketika itu), merupakan penyelesaian di permukaan, manakala melalui didikan agama, cara kurikulum bersepadu Malaysia, kaedah ini berusaha membawa perubahan dari dalaman, melalui penjelasan tanggungjawab, peranan yang harus dimainkan oleh setiap insan yang bernama manusia.

Isu yang ingin diterokai (ketika kajian dibuat) ialah kerelevanan ajaran agama – tunjang, benih pengasas kepada tingkahlaku yang disenangi.

Penyelidik juga tertanya, mengapa bilangan yang agak memeranjatkan/ teramai remaja yang menunjukkan salahlaku (penagihan dadah, ponteng, merokok, biadab, salahlaku dalam kelas dan sekolah) datang dari pelajar Melayu, anak orang Islam.

## METODOLOGI.

Kajian ini sebahagiannya penerokaan saintifik (*exploratory scientific inquiry* atau *field study type*) dan sebahagian lagi ialah jenis eksperimental. Analisa kajian melibatkan Analisa Varians Satu Hala (*One-Way Analysis of Variance*): sekolah dan jantina sebagai angkubah klasifikasinya pada tiga (tiga jenis sekolah: Muslim, Kristian, dan sekolah kerajaan) dan dua (lelaki dan perempuan) tahap. Angkubah-angkubah dependen ada tiga jenis iaitu berkaitan dengan tiga jenis pengukuran i) markah Pengetahuan, kepercayaan dan komitmen agama, ii) markah jawapan Laporan bebas tindakan sosial Subjek kepada *Video Enactments of five Problematic Social Situations* (VEPSS) dan iii) markah Kemahiran sosial subjek dinilai oleh guru dengan menggunakan *Early Adolescent Social Skills Informal Rating Matrix* (EASSIRM).

Subjek dalam kajian ini dipilih dari tiga buah sekolah yang mempunyai kecenderongan agama yang berlainan di Perth, iaitu sekolah Muslim (*M*), sekolah Kristian (*C*), dan sekolah kerajaan (*S*) yang tidak diberi pendidikan agama. Sekolah Muslim (*M*) itu ialah sebuah sekolah swasta yang cuba menyampaikan pendidikan mengikut perspektif Islam. Sekolah Kristian (*C*) itu ialah sebuah sekolah Katolik yang mengalu-alukan permohonan untuk masuk dari semua tanpa mengira kepercayaan mereka. Sekolah kerajaan (*S*) yang akhirnya setuju terlibat dengan kajian ini ialah sebuah sekolah di pinggir bandar (sub-urban) Perth. Tidak ada sebab untuk mengesyaki latar belakang sosio-ekonomik subjek berbeza dengan ketara. Idealnya mereka sepatutnya mempunyai latar belakang yang agak setara darisegi gred, umur dan IQ. Masalah ini tidak dapat diatasi disebabkan kekangan jumlah subjek dari sekolah Muslim terdapat kurang dari 50 orang. Oleh kerana itu, mereka yang dari sekolah Katolik dan sekolah kerajaan dipilih dari dua kelas Gred lapan sahaja. Pada asalnya 130 pelajar mengambil bahagian dalam kajian ini. Tetapi kerana kajian ini memerlukan tiga jenis pengukuran, ada subjek yang terpaksa digugurkan kerana penyertaan yang tidak lengkap, atau kerana pemilihan secara rawak apabila jumlah melebihi mengikut jantina. Subjek dari sekolah Muslim dan sekolah Katolik dipilih mengikut markah keagamaan mereka yang lebih tinggi. Mereka, pada akhirnya, terdiri dari 38 kanak-kanak lelaki dan 45 kanak-kanak perempuan yang berusia antara 12 dan 16 tahun.

Tiga jenis instrumen yang diguna dalam kajian ini ialah:-

- (i) *Gilcomston Belief Questionnaire* (GBQ [a]) yang telah ditambah item untuk menampung unsur-unsur Islam (ia mengukur Pengetahuan, kepercayaan dan komitmen agama kanak-kanak awal remaja);
- (ii) *Early Adolescent Social Skills Informal Rating Matrix* (EASSIRM), untuk mengukur Kemahiran Sosial subjek-subjek remaja itu dalam 16 situasi sosial bermasalah yang biasa dihadapi oleh mereka di sekolah. Guru kanan yang biasa dengan subjek menilai mereka dengan menggunakan EASSIRM ini; dan
- (iii) Laporan secara bebas tindakan sosial Subjek kepada lakonan video lima situasi sosial yang bermasalah [*Video Enactments of five Problematic Social Situations* (VEPSS)] yang dipilih daripada 16 situasi yang terdapat dalam EASSIRM itu. Jawapan mereka kemudiannya dinilai berpandu kepada jawapan yang terdapat pada EASSIRM asal.

## PENGUMPULAN DATA DAN ANALISA

Pengumpulan data penyelidikan dilaksanakan berperingkat pada masa-masa dan hari-hari yang berlainan di ketiga-tiga sekolah dalam jangka masa dua setengah bulan. Bilangan pelajar yang terlibat dari ketiga-tiga sekolah juga tidak sama.

Pada mulanya semua pelajar *senior* (kanan/ tahap dua), 43 orang, dari sekolah Muslim mengambil bahagian dalam kajian ini. Lima puluh pelajar dari dua kelas Gred lapan sekolah Kristian dan 37 orang pelajar dari dua kelas Gred lapan dari sekolah kerajaan. Mereka semua cuba menjawab instrumen 1, kertas soal-selidik berkaitan kepercayaan dan komitmen keagamaan, GBQ [a].

Ketiga-tiga sekolah berbeza dari segi penyampaian maklumat keagamaan. Markah subjek berkaitan dengan keagamaan dalam empat bidang iaitu:- i) *M*, kepercayaan dan komitmen Islam; ii) *C*, kepercayaan dan komitmen Kristian; iii) *R*, minat keagamaan; dan iv) *A*, kecenderungan ateis, ditunjukkan dalam Jadual 2, 3, 4 dan 5 lampiran A.

Pengendalian laporan bebas subjek kepada tayangan video lima situasi sosial bermasalah dibuat dalam bilik tayangan. Subjek lelaki dan subjek perempuan melihat lakonan video yang berasingan untuk mengelakkan gangguan kesan jantina. Jawapan mereka dinilai mengikut kadar skala EASSIRM (Bain, 1987) yang telah diuji validitinya (kesahihan).

Pemarkahan laporan bebas, **laporan sendiri**, tindakan golongan awal remaja itu kepada (lima lakonan video yang dipilih daripada 16 situasi yang terdapat dalam EASSIRM) situasi sosial bermasalah dinamakan sebagai *Video Enactment of Problematic Social Situations* (VEPSS).

Pengumpulan data fasa ketiga kajian ini memakan masa sebulan. Seorang guru kanan dari setiap satu sekolah agama menilai kemahiran sosial semua subjek dari sekolah mereka dalam 16 situasi sosial yang bermasalah. Walau bagaimanapun beberapa orang guru terlibat dalam penilaian kemahiran sosial

subjek dari sekolah kerajaan mengguna instrumen yang sama. Instrumen penilaian ini menghasilkan dua jenis markah: 1) *Teacher Informal Rating Matrix* (TRIM) iaitu jumlah markah untuk kesemua 16 situasi sosial bermasalah, dan 2) markah untuk lima situasi sosial yang bermasalah seperti yang terdapat dalam lakonan video ialah RFPSS (*Ratings for Five Problematic Sosial Situations*). Korelasi antara kedua-dua jenis markah ini berfungsi untuk membuktikan konsistensi dalaman instrumen EASSIRM yang diguna.

Andaian-andaian yang dibuat ialah: (i) latar belakang subjek seperti taraf sosio-ekonomi, dan IQ yang lebih kurang setara kerana ketiga-tiga sekolah tidak mengenakan yuran atau kelayakan tertentu untuk kemasukan; (ii) laporan bebas subjek berkaitan lima situasi diharapkan memberi gambaran sebenar tindakan subjek apabila bersemuka dengan situasi bermasalah yang serupa atau setidak-tidaknya ianya gambaran luahan hati /fikiran apa yang mereka ingin lakukan; dan (iii) penilaian guru menggambarkan tindakan kebiasaan subjek dalam situasi sebenar yang bermasalah. Panduan lima jawapan yang diberi untuk setiap situasi memudahkan guru untuk memilih tindakan yang paling menghampiri akhlak subjek.

Markah-markah yang terkumpul dianalisa secara statistik: SUPER ANOVA dan ujian Scheffe's post-hoc berdasarkan angkubah klasifikasi, sekolah dan jantina; dan program Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS), untuk korelasi antara empat angkubah kepercayaan dan komitmen keagamaan (M, Islam; C, Kristian; R, keagamaan; dan A, Ateis/ *Atheisma*) dengan angkubah kemahiran sosial (VEPSS, TIRM dan RFPSS) dan juga untuk korelasi antara sesama angkubah kemahiran sosial.

Hipotesis yang perlu diuji dipernyatakan semula iaitu subjek yang mempunyai kepercayaan dan komitmen agama yang tinggi mempunyai lebih kemahiran untuk menghadapi permasalahan dalam situasi sosial. Dalam lain perkataan mengikut takrif Bain (1991), mereka bertindak dengan cara yang akan memaksimumkan kemungkinan menghasilkan, menjalin dan mengekalkan perhubungan yang positif antara mereka. Hipotesis Null, hipotesis lawannya, menjadi sah apabila pemarkahan kemahiran sosial subjek tidak ada korelasi yang signifikan dengan pemarkahan kepercayaan dan komitmen agama.

Umur purata subjek dari sekolah Muslim (13.9 tahun), Kristian (13.0 tahun) dan kerajaan (13.1 tahun) kelihatan lebih kurang sama, rujuk Jadual 1 pada Lampiran A, tetapi analisa statistik menyatakan perbezaan purata umur subjek Muslim adalah signifikan ( $p < 0.05$ ). Ujian post-hoc Scheffe's mendapati perbezaan itu sangat signifikan ( $p = 0.0001$ , dan  $p = 0.0002$ ). Ini merupakan satu limitasi dalam kajian ini.

Markah keagamaan Islam (M) dari ketiga-tiga sekolah, seperti pada Jadual 2, Lampiran A, menunjukkan: Perbezaan antara subjek sekolah Muslim dengan sekolah Kristian dan antara sekolah Muslim dengan sekolah kerajaan adalah sangat signifikan,  $p = 0.0001$ . Markah subjek sekolah Kristian yang terdapat di tengah-tengah tidak berbeza dari subjek sekolah Muslim atau subjek sekolah kerajaan secara signifikan.

Markah Keagamaan Kristian (C) ditunjuk di Jadual 3, Lampiran A. Markah purata subjek Kristian berbeza dari subjek sekolah Muslim dan sekolah kerajaan dengan signifikan ( $p = 0.0003$ ). Jadual 4 meringkaskan markah purata kecenderongan keagamaan (R) dan perbezaan antara markah purata ketiga-tiga sekolah adalah sangat signifikan pada tahap  $p = 0.0001$ . Jadual 5 markah kecenderongan ateis (A) antara sekolah tidak signifikan kerana  $p > 0.05$ .

Kemahiran sosial subjek ditunjukkan pada Lampiran B: Jadual 6, purata markah VEPSS; Jadual 7, purata markah RFPSS; dan Jadual 8, purata markah TIRM. Kemahiran sosial subjek mengikut penilaian guru (EASSIRM:- RFPSS & TIRM):- didapati perbezaan antara sekolah sangat signifikan,  $p = 0.008$  dan  $p = 0.0001$ ; dan perbezaan mengikut jantina juga signifikan,  $p = 0.0002$  dan  $p = 0.003$ ; dengan yang perempuan secara konsisten lebih baik dari subjek lelaki di ketiga-tiga sekolah dengan signifikan  $p = 0.0003$ . Mengguna program SPSS, koefisien korelasi antara pelbagai markah kemahiran sosial ditunjukkan pada Jadual 9. Korelasi tinggi antara RFPSS dengan TIRM,  $r = 0.85$  dan sangat signifikan  $p < 0.000$  serentak menunjukkan konsistensi dalaman instrumen EASSIRM dan reliabilitinya. Instrumen laporan bebas atau *self-report*, seperti VEPSS, memang diketahui bernilai subjektif (Mercer & Mercer, 1989). Ianya diguna dalam kajian ini untuk memberi peluang kepada subjek melaporkan sendiri tindakan sosial mereka atau meluahkan tindakan sosial yang mereka ingin lakukan.

Jadual 10, ujian korelasi antara pelbagai kecenderongan dan komitmen keagamaan dengan kemahiran sosial, menunjukkan tiada korelasi antara kecenderongan keagamaan dengan VEPSS, tetapi terdapat korelasi antara Keagamaan (R) dengan RFPSS,  $r = 0.2453$ , tetapi korelasi antara Islam (M) dengan RFPSS adalah tinggi,  $r = 0.2975$  pada  $p < 0.01$ . Korelasi antara kedua-dua markah Islam dan keagamaan dengan TIRM adalah sangat signifikan,  $p < 0.000$ , iaitu  $r = 0.4763$  dan  $r = 0.4055$ .

Hasil keseluruhan menunjukkan hubungan yang kuat antara pendidikan, kepercayaan dan komitmen keagamaan dan Islam dengan kebolehan remaja menangani situasi sosial yang bermasalah. Walau bagaimanapun laporan bebas kumpulan awal remaja itu, yang memberi penemuan baru iaitu hubungan songsang dari apa yang dijangkakan menunjukkan (i) bahawa penyampaian agama atau pendidikan keagamaan untuk kecemerlangan perlu dihalusi secara berhikmah dan (ii) Pencipta kita yang Maha Adil telah melengkapkan manusia dengan kemampuan mengetahui dan berkebolehan memikirkan tindakan yang terbaik dalam situasi sosial yang bermasalah walaupun tanpa diberi pelajaran agama.

Ringkasnya penemuan dari kajian ini menunjukkan: -

- (i) Penilaian guru adalah tepat dengan hipotesis iaitu remaja yang mempunyai pengetahuan, kepercayaan dan komitmen agama yang tinggi juga mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menangani permasalahan dalam situasi sosial;
- (ii) Kemahiran remaja perempuan menangani permasalahan situasi sosial (mengikut penilaian guru) adalah lebih baik dari remaja lelaki dengan signifikan;  
dan
- (iii) Penemuan baru iaitu hubungan songsang dari apa yang dijangkakan.

Laporan bebas, **laporan sendiri** tindakan golongan awal remaja itu kepada (lima lakonan video yang dipilih daripada 16 situasi yang terdapat dalam EASSIRM) situasi sosial bermasalah, adalah mengejutkan. Remaja yang dinilai mempunyai pengetahuan, kefahaman dan komitmen agama tinggi memberi jawapan terendah dan mereka yang mempunyai pengetahuan agama terendah memberi jawapan terbaik iaitu mereka berkemampuan memikirkan tindakan positif yang ingin mereka lakukan jika mereka berhadapan dengan situasi sosial yang bermasalah walaupun mereka belum diberi 'didikan' agama.

## RUMUSAN

Penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa :

- (i) Mereka yang berpendidikan agama dapat diharapkan akan bertindak sepertimana yang diajar apabila berada di persekitaran tempat mereka di 'didik'.
- Walaupun bagaimanapun keputusan dari **laporan bebas, laporan sendiri** golongan awal remaja, menunjukkan :-
- (ii) Maha Pencipta itu adil dan telah melengkapkan makhluk yang bernama manusia (termasuklah golongan awal remaja) dengan akal fikiran yang dapat memandu dan membolehkan mereka memikirkan tindakan yang terbaik apabila mereka **diandaikan** berhadapan dengan situasi sosial yang bermasalah,
  - (iii) Kanak-kanak yang mendapat bimbingan agama ada menghadapi masalah seakan-akan '*split personality*'. Sungguhpun mereka dinilai oleh guru mereka sebagai berkelakuan baik, mereka seakan-akan ingin melakukan tindakan bebas mengikut naluri/ nafsu bila mereka berhadapan dengan situasi hayalan, situasi sosial yang bermasalah.

Mereka telah menerima pengetahuan, ilmu agama dan mereka telah dinilai oleh guru, yang rapat dengan mereka, sebagai berkelakuan baik bila berhadapan dengan situasi sosial yang bermasalah. Jadi, apakah yang menyebabkan mereka terasa ingin bertindak luar atau lain daripada apa yang mereka telah pelajari? Adakah ini menunjukkan yang mereka berkelakuan baik kerana mereka terpaksa? Iaitu kerana mereka berada di perkarangan sekolah atau kerana mereka sedang diawasi oleh guru-guru mereka. Tetapi di sebalik itu ada suara lain, suara naluri mereka yang ingin memberontak. Suara ini ingin dilahirkan.

Mengapakah ini terjadi?

Pengetahuan, ilmu dan pendidikan agama berjaya mengawal tingkahlaku peserta di sekolah. Bagaimanakah pengetahuan & pelajaran agama disampaikan?

Trajadi 11 September 2001 yang berlaku di negara kuasa besar, Amerika Syarikat, menjadikan kita di Malaysia terkejut dan merasa gementar. Ini merupakan salahlaku yang bertentangan dengan ajaran Islam. Adakah ini merupakan salah satu daripada kesan *Information Communication Technology* (ICT) dan GLOBALISASI?

Tingkahlaku yang tidak sesuai, iaitu salahlaku, tidak patut dilakukan oleh orang Islam. Pemerintah Amerika menuduh trajedi tersebut berpunca daripada Osama ben Laden, seorang Islam dan kuncukuncunya pejuang Al Qaeda, Puak Taliban. Jikalau ini terbukti benar, kita ummat Islam, perlu membuat refleksi tentang Pendidikan Islam – yang sepatutnya menghasilkan masyarakat cemerlang. Dimanakah berlakunya kesilapan pendidikan? Dalam pengajaran dan pembelajaran; mengajar atau mendidik; kaunseling atau disiplin; salahlaku; gejala sosial?

Ancaman keganasan sudah tidak memerlukan alat dan peralatan peperangan. Kapal terbang komersial atau pesawat awam juga boleh dijadikan senjata. Puncanya, apabila ada manusia yang sanggup mengorbankan diri atas nama perjuangan untuk menyedarkan atau menundukkan (?) kuasa besar. Sayang, seribu kali sayang, kalau yang mengorbankan diri itu telah memusnahkan aqidahnya iaitu menggadai ketaqwaan untuk kesesatan jahiliah, kepanasan api neraka.

Iktibar yang perlu kita ambil ialah: penyampaian Ar-Risalah perlu Bil-Hikmah, supaya dapat menggerakkan manusia, dari dalaman, menjadikan dia seorang yang ekhsan, istiqamah, penyayang, jujur, amanah, pemaaf, sabar, tetap yakin akan hari pembalasan. Bukan menghasilkan *terrorist*.

Hasil kajian jelas menunjukkan kerelevanan penyampaian kebenaran agama, dan disamping itu ia menekankan pentingnya pengekal nilai-nilai murni kemanusiaan iaitu: penghormatan, kebenaran, hak kebebasan, kejujuran, kasih sayang.

“Let there arise out of you a band of people inviting to all that is good, enjoining what is right, and forbidding what is wrong; they are the ones to attain felicity.”  
(The Qur'an, 3: 104)

Rasulullah SAW bersabda,

“God has not created anything better than Reason, or anything more perfect or more beautiful than Reason; the benefits which God gives are on its account; and understanding is by it, and by it are rewards and punishments.”

## RUJUKAN

- Bain, A. (1989). The development of an interactive video rating scale to measure social skills in early adolescents. Programming for Adolescents with Behavioral Disorders, 51-70.
- Bain, A. (1991). The development and validation of an informal rating matrix to measure social skills in early adolescents. Educational Psychology, 11 (1), 3-19.
- Dixon, C. K. (1988). The path to commitment: A study of the nature and origin of religious beliefs in Western Australian adolescents. Unpublished doctoral thesis, Murdoch University, Perth, Australia.
- Gullota, T. (1983). Early adolescence: Alienation and education. Theory into Practice, 22, 145-154.
- McDowell, R. (1981). Adolescence, in: G. Brown, R. McDowell & J. Smith (Eds). Educating Adolescents with Behavior Disorders. 10-29. Columbus, OH: Merrill.
- Mercer, C. D. & Mercer, A. R. (1989). Teaching students with learning problems (3<sup>rd</sup> ed.). Columbus, OH: Merrill.
- Othman, A. H. (1988). The role of religion in reinforcing drug and substance abuse prevention and rehabilitation. In report of the 10<sup>th</sup> IFNGO Conference. Proceedings of the International Federation of Non-Governmental Organisation Conference (pp. 205-207). Kuala Lumpur, Malaysia: PEMADAM.
- Pellegrini, D.S. & Urbain, E.S. (1985). An evaluation of interpersonal cognitive problem solving training with children. Journal of Child Psychology and Psychiatry. 26(1), 17-41.
- Qutb, S. (1978). Islam the religion of the future. Kuwait: IIFSO.

Jadual 1

Purata umur subjek mengikut Sekolah dan Jantina

| SEKOLAH     | PURATA UMUR + STANDARD ERROR (TAHUN) |                |                 |                |                 |                |
|-------------|--------------------------------------|----------------|-----------------|----------------|-----------------|----------------|
|             | LELAKI                               |                | PEREMPUAN       |                | KESELURUHAN     |                |
|             | $\underline{n}$                      | Usia           | $\underline{n}$ | Usia           | $\underline{N}$ | Usia           |
| 1. Muslim   | 13                                   | 13.9 $\pm$ 0.3 | 14              | 13.9 $\pm$ 0.3 | 27              | 13.9 $\pm$ 0.2 |
| 2. Kristian | 13                                   | 13.0 $\pm$ 0.1 | 14              | 13.1 $\pm$ 0.1 | 27              | 13.0 $\pm$ 0.1 |
| 3. Kerajaan | 12                                   | 13.3 $\pm$ 0.1 | 17              | 13.0 $\pm$ 0.1 | 29              | 13.1 $\pm$ 0.1 |

Jadual 2

Purata markah Kepercayaan Islam (M) mengikut Sekolah dan Jantina

| SEKOLAH     | MARKAH KEPERCAYAAN ISLAM (M) + PURATA STANDARD ERROR |                |                           |
|-------------|------------------------------------------------------|----------------|---------------------------|
|             | LELAKI                                               | PEREMPUAN      | KESELURUHAN<br>$P=0.0001$ |
| 1. Muslim   | 85.3 $\pm$ 3.0                                       | 85.5 $\pm$ 4.5 | 85.4 $\pm$ 2.7            |
| 2. Kristian | 56.7 $\pm$ 3.2                                       | 53.6 $\pm$ 2.0 | 55.1 $\pm$ 1.8            |
| 3. Kerajaan | 41.9 $\pm$ 5.2                                       | 45.1 $\pm$ 3.5 | 43.8 $\pm$ 2.9            |

Jadual 3

Purata markah Kepercayaan Kristian (C) mengikut Sekolah dan Jantina

| SEKOLAH     | MARKAH KEAGAMAAN ISLAM (C) + PURATA STANDARD ERROR |                |                           |
|-------------|----------------------------------------------------|----------------|---------------------------|
|             | LELAKI                                             | PEREMPUAN      | KESELURUHAN<br>$P=0.0003$ |
| 1. Muslim   | 55.4 $\pm$ 3.3                                     | 43.4 $\pm$ 2.7 | 49.1 $\pm$ 2.4            |
| 2. Kristian | 66.0 $\pm$ 4.3                                     | 64.1 $\pm$ 2.2 | 65.0 $\pm$ 2.3            |
| 3. Kerajaan | 45.2 $\pm$ 7.1                                     | 52.4 $\pm$ 4.9 | 49.4 $\pm$ 4.1            |

Jadual 4

Purata markah Kepercayaan Keagamaan (R) mengikut Sekolah dan Jantina

| SEKOLAH     | MARKAH KEAGAMAAN ISLAM (R) + PURATA STANDARD ERROR |                |                           |
|-------------|----------------------------------------------------|----------------|---------------------------|
|             | LELAKI                                             | PEREMPUAN      | KESELURUHAN<br>$P=0.0001$ |
| 1. Muslim   | 73.9 $\pm$ 3.4                                     | 71.7 $\pm$ 3.3 | 72.8 $\pm$ 2.3            |
| 2. Kristian | 60.4 $\pm$ 3.5                                     | 58.6 $\pm$ 3.5 | 59.5 $\pm$ 2.4            |
| 3. Kerajaan | 39.4 $\pm$ 5.6                                     | 44.4 $\pm$ 4.6 | 42.3 $\pm$ 3.5            |

Jadual 5

Purata markah Kecenderungan Ateis (A) mengikut Sekolah dan Jantina

| SEKOLAH     | MARKAH KEAGAMAAN ISLAM (A) + PURATA STANDARD ERROR |                |                           |
|-------------|----------------------------------------------------|----------------|---------------------------|
|             | LELAKI                                             | PEREMPUAN      | KESELURUHAN<br>$P=0.0514$ |
| 1. Muslim   | 31.5 $\pm$ 3.6                                     | 31.6 $\pm$ 3.8 | 31.6 $\pm$ 2.6            |
| 2. Kristian | 40.0 $\pm$ 3.4                                     | 37.4 $\pm$ 4.2 | 38.7 $\pm$ 2.7            |
| 3. Kerajaan | 33.7 $\pm$ 2.9                                     | 47.6 $\pm$ 4.2 | 41.8 $\pm$ 3.0            |

**Jadual 6**  
**Markah purata VEPSS mengikut Sekolah dan Jantina**

|    | SEKOLAH  | PURATA MARKAH KEMAHIRAN SOSIAL VEPSS<br>+ PURATA STANDARD ERROR |               |                               |
|----|----------|-----------------------------------------------------------------|---------------|-------------------------------|
|    |          | LELAKI                                                          | PEREMPUAN     | KESELURUHAN<br>$\bar{p}=0.23$ |
| 1. | Muslim   | $11.1 \pm 0.8$                                                  | $9.6 \pm 0.8$ | $10.3 \pm 0.6$                |
| 2. | Kristian | $9.5 \pm 0.9$                                                   | $9.6 \pm 0.8$ | $9.6 \pm 0.6$                 |
| 3. | Kerajaan | $10.0 \pm 1.1$                                                  | $7.9 \pm 0.5$ | $8.8 \pm 0.6$                 |

**Jadual 7**  
**Markah purata RFPSS mengikut Sekolah dan Jantina**

|    | SEKOLAH  | PURATA MARKAH KEMAHIRAN SOSIAL RFPSS<br>+ PURATA STANDARD ERROR |                                 |                                |
|----|----------|-----------------------------------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------|
|    |          | $\bar{p} = 0.0002$                                              |                                 | KESELURUHAN<br>$\bar{p}=0.008$ |
|    |          | LELAKI                                                          | PEREMPUAN                       |                                |
| 1. | Muslim   | $9.5 \pm 0.8$                                                   | $5.9 \pm 0.6$                   | $7.6 \pm 0.6$                  |
| 2. | Kristian | $10.3 \pm 0.7$                                                  | $8.1 \pm 0.6$                   | $9.2 \pm 0.5$                  |
| 3. | Kerajaan | $11.3 \pm 1.0$                                                  | $9.2 \pm 0.9$                   | $10.1 \pm 0.7$                 |
|    |          | <b><math>10.3 \pm 0.5</math></b>                                | <b><math>7.9 \pm 0.5</math></b> |                                |

**Jadual 8**  
**Markah purata TIRM mengikut Sekolah dan Jantina**

|    | SEKOLAH  | PURATA MARKAH KEMAHIRAN SOSIAL TIRM<br>+ PURATA STANDARD ERROR |                                  |                                 |
|----|----------|----------------------------------------------------------------|----------------------------------|---------------------------------|
|    |          | $\bar{p} = 0.003$                                              |                                  | KESELURUHAN<br>$\bar{p}=0.0001$ |
|    |          | LELAKI                                                         | PEREMPUAN                        |                                 |
| 1. | Muslim   | $25.5 \pm 1.7$                                                 | $18.9 \pm 5.6$                   | $22.1 \pm 1.3$                  |
| 2. | Kristian | $30.8 \pm 2.1$                                                 | $24.7 \pm 2.0$                   | $27.6 \pm 1.5$                  |
| 3. | Kerajaan | $36.2 \pm 2.8$                                                 | $31.4 \pm 2.9$                   | $33.3 \pm 2.1$                  |
|    |          | <b><math>30.7 \pm 2.3</math></b>                               | <b><math>25.4 \pm 2.5</math></b> |                                 |

**Jadual 9**  
**Koefisien Korelasi antara pelbagai kemahiran sosial**

|       | VEPSS  | RFPSS  | TIRM   |
|-------|--------|--------|--------|
| VEPSS | —      | - 0.01 | - 0.02 |
| RFPSS | - 0.01 | —      | 0.85** |
| TIRM  | - 0.02 | 0.85** | —      |

Catatan.  $N = 83$  untuk semua kumpulan. Two-tailed. \*\* $p < 0.000$

**Jadual 10**  
**Koefisien Korelasi pelbagai markah kepercayaan bertentangan dengan pelbagai markah kemahiran sosial**

|    | GBQ [A]<br>Kepercayaan | KEMAHIRAN SOSIAL |          |           |
|----|------------------------|------------------|----------|-----------|
|    |                        | VEPSS            | RFPSS    | TIRM      |
| 1. | M : Islam              | 0.0818           | -0.2975* | -0.4763** |
| 2. | C : Kristian           | -0.1425          | -0.0401  | -0.1637   |
| 3. | R : Ketuhanan          | 0.0489           | -0.2453  | -0.4055** |
| 4. | A : Ateis              | -0.1746          | 0.0065   | 0.0619    |

Catatan.  $N = 83$  untuk semua kumpulan  
satu - ekor. \* $p < 0.01$ ,  
dua - ekor. \*\* $p < 0.000$